

1976 45
KUALA LUMPUR, 25 OKT. (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MUHAMMAD BERKATA HARI INI BAHAWA KERAJAAN AKAN MENGAWAL PELAJARAN DAN PENGAJARAN AGAMA DI NEGARA INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA KAWALAN ITU ADALAH SECARA TERATUR YANG MENENTUKAN SALURAN UNTUK TEGURAN DAN KRITIK TERHADAP PENGAWASAN YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN.

PENGAWALAN TIDAK BOLEH DILAKUKAN SECARA TERTUTUP, KATANYA KETIKA MERASMIKAN SEMINAR PENDIDIKAN ISLAM MALAYSIA KE-DUA SELAMA TIGA HARI DI UNIVERSITI KEBANGSAAN.

TAMBAHNYA JIKA PENGAWALAN ITU DILAKUKAN SECARA TERTUTUP, PENYELEWENGAN OLEH KERAJAAN AKAN MEMBAWA KEPADA AKIBAT YANG SAMA BURUKNYA DENGAN KESAN KEBEBASAN DI BERBAGAI BIDAN YANG BERLAKU DI BARAT SEKARANG.

MENURUTNYA SEBAB ITU SEMINAR PENDIDIKAN TERSEBUT DIANGGAP PENTING OLEH KERAJAAN KERANA SEMUA PIHAK DAPAT MENYUARA DAN MEMBERI PANDANGAN MEREKA DENGAN CARA TERATUR DAN TERSUSUN.

BELIAU MENGINGATKAN TENTANG BAHAYA IDEOLOGI KEBEBASAN BERAGAMA DI KALANGAN ORANG-ORANG ISLAM DI NEGARA INI +KERANA TIDAK DAPAT TIDAK KITA JUGA AKAN SESAT.+

-- BERSAMBUNG 1300/SZ

EE

B519

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

OLEH ITU ADALAH PENTING KAWALAN DILAKUKAN TERHADAP PELAJARAN DAN PENGAJARAN AGAMA, KATANYA.

CARA YANG BOLEH MENENTUKAN PELAJARAN YANG SESAT TIDAK BERLAKU DALAM MASYARAKAT YANG SUDAH ISLAM IALAH AJARAN AGAMA TIDAK DISEMBUNYIKAN.

TIDAK ADA SEBAB KENAPA AJARAN YANG BENAR PERLU DISAMPAIKAN SECARA TERTUTUP TETAPI DIDAPATI ADA GOLONGAN YANG TIDAK SANGGUP MENGAJAR AGAMA SECARA TERBUKA.

TEGASNYA, TIDAK ADA SEBAB JUGA PENSYARAH AGAMA PERLU MENYAMPAIKAN SYARAHAN DALAM KEADAAN TERGESA-GESA DAN CEMAS DAN TIDAK PULA BOLEH DIHADIRI OLEH ORANG ISLAM LAIN.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN MENYATAKAN MALANGNYA ADA GOLONGAN YANG TIDAK SENANG KERANA MEREKA TIDAK DIBENARKAN MENYAMPAIKAN SYARAHAN MEREKA DALAM KEADAAN HAMPPIR CEMAS DAN SECARA TERTUTUP KHUSUS UNTUK MURID YANG MUDAH DIBENTUK FIKIRAN DAN KEPERCAYAAN MEREKA.

KATANYA, PEMILIHAN GURU AGAMA MESTILAH BERASAS DAN TERTAKLUK KEPADA SYARAT YANG LEBIH KETAT DARI SEGI ILMIAH DAN KEPERIBADIAN YANG SESUAI. -- BERSAMBUNG 1305/SZ

DR. MAHATHIR MENEGASKAN ORANG YANG INGIN MENGAJAR AGAMA DENGAN CARA RAHSIA DI DALAM NEGARA INI YANG MENJADIKAN ISLAM AGAMA RESMI PERLU DISOAL TENTANG TUJUAN MEREKA.

KATANYA, MEMANG BENAR ADA ORANG YANG MENYATAKAN SESEORANG YANG INGIN BERDAKWAH IA TIDAK BOLEH DITOLAK SAMASEKALI.

TETAPI ADA KEMUNGKINAN BILA AJARAN YANG DIBAWA ITU ADALAH AJARAN YANG SESAT ATAU DENGAN TUJUAN LAIN.

BELIAU BERKATA: +APAKAH MASYARAKAT ISLAM TIDAK BERTANGGONGJAWAB SEHINGGA TIDAK MAHU MENGETAHUI SAMASEKALI APA YANG HENDAK DIKEMBANGKAN.+

+TIDAKKAH KITA TAHU BETAPA RAMAI ORANG ISLAM YANG SUDAH SESAT DAN MENGIKUT AGAMA BENTUKAN MANUSIA YANG KONONNYA DIBAWA OLEH NABI-NABI YANG BARU.+

KATANYA, SEBAB ITU PENGAWASAN TERHADAP PELAJARAN AGAMA YANG DIRAHSIAKAN MENJADI LEBIH PENTING KERANA DIKALANGAN ORANG MELAYU SENDIRI DIWAKTU LAMPAU INI TELAH UJUD BERBAGAI KUMPULAN YANG MEMBUAT TAFSIRAN AGAMA YANG TERSENDIRI. -- BERSAMBUNG 1307/SZ

22

B522

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, SEKARANG DIDAPATI BUKAN SAHAJA MAZHAB ISLAM YANG DIAKUI TETAPI JUGA PERPISAHAN DAN PENGUJUDAN KUMPULAN ISLAM MENGIKUT PERSATUAN, WARNA KULIT, TUA ATAU MUDA YANG DIREKA OLEH MANUSIA MENGIKUT TAFSIRAN SENDIRI KERANA BERBAGAI SEBAB DAN KEPENTINGAN.

GOLONGAN INI TIDAK BEGITU MENJADI MASAALAH KALAU MEREKA CUMA BERUSAHA MENGAMALKAN AJARAN ISLAM DAN MEMEGANG KUAT KEPADA PERPADUAN ISLAM.

TETAPI DALAM USAHA MEREKA Mencari Pengaruh, kadang kala mereka 96 SANGGUP MEMBUAT TUDUHAN YANG TIDAK BERASAS, BAHKAN MENCELA DAN MENIDAKKAN KEISLAMAN ORANG LAIN DAN CARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG MENGANJURKAN PERPECAHAN DI KALANGAN UMAT ISLAM.

KATANYA, JAYA ATAU TIDAK USAHA MEMPERALATKAN AGAMA BERGANTUNG KEPADA KEMAMPUAN MASYARAKAT ISLAM MENGENAL ANTARA YANG BENAR DENGAN YANG TIDAK.

DR. MAHATHIR MENYATAKAN KESAN KEGIATAN SETENGAH KUMPULAN INI IALAH PERPECAHAN MASYARAKAT ISLAM DIMANA DAHULU TERDAPAT PERSAUDARAAN YANG RAPAT DAN PERPADUAN. -- BERSAMBUNG 1310/SZ

+KONONNYA MEREKA INGIN MELIHAT ISLAM YANG SEBENARNYA UJUD TETAPI APAKAH MENUDUH, MENCELA DAN MENGHINA ORANG ISLAM LAIN DISURUH OLEH AGAMA ISLAM DALAM USAHA MEMBAWA KEPADA JALAN YANG BENAR?

+APAKAH ISLAM MENYURUH SUPAYA DIPECAH DAN DIPISAH-PISAHKAN ORANG ISLAM?+

KATANYA, JIKA KEGIATAN MEREKA INI BERJAYA ORANG ISLAM AKAN DIBAHAGIAN-BAHAGIKAN KEPADA KUMPULAN YANG KECIL YANG BERTENTANGAN DAN BERMUSUHAN ANTARA SATU SAMA LAIN.

TEGASNYA, KESAN DARI PERPECAHAN INI IALAH KELEMAHAN -- IAITU KELEMAHAN ORANG ISLAM UNTUK MEMPERTAHANKAN DIRI DALAM DUNIA YANG PENUH DENGAN ANCAMAN DAN KELEMAHAN DALAM PEGANGAN KEPADA AJARAN ISLAM DI SEBABKAN OLEH QTAFSIRAN DAN AMALAN YANG TIDAK SAMA YANG MENIMBULKAN KEKELIRUAN. -- BERNAMA 1314/ZCM